


JEREBU SETEMPAT VS JEREBU MERENTAS SEMPADAN



JEREBU SETEMPAT:

Pencemaran asap yang berasal dari kawasan tempatan dan menyebabkan kualiti udara merosot dan berjerebu di kawasan atau negeri setempat dan tidak melibatkan di antara negara

JEREBU MERENTAS SEMPADAN:

Pencemaran asap yang berasal bukan dari negara tempatan dan bergerak ke negara lain dan menyebabkan kualiti udara merosot dan berjerebu di negara tersebut.

PUNCA JEREBU:

Pencemaran asap yang berpunca daripada kebakaran hutan, belukar, perladangan dan biasanya disebabkan oleh perbuatan manusia . Jerebu akan menjadi lebih teruk pada musim panas dan kering

KANDUNGAN JEREBU:

Jerebu terdiri daripada partikel-partikel halus yang terdiri daripada saiz 10 micron ke bawah. Walaubagaimanapun, partikel bersaiz 2.5 micron ke bawah lebih mendominasi apabila berlakunya kebakaran hutan atau belukar